

ISNIN • 12.02.2018

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

REAKSI

PENGANJURAN
DIPUJI



"TUJUAN menyertai program ini adalah untuk memberi sokongan kepada pelajar sekolah yang terlibat. Ini adalah kaedah yang baik untuk mendidik dan memupuk minat mereka terhadap aktiviti riadah dan sukan."

NORAH ABDUL AZIZ, 54
Guru

"PENGALAMAN yang menarik dan betul-betul menyeronokkan. Penganjuran acara ini juga diuruskan dengan baik dan meriah melalui pelbagai aktiviti seperti larian, konsert, pameran, cabutan bertuah dan gerai jualan."

AIZMAN DANIAL
NAQUIDDIN AZMAN, 16
Sukarelawan




"SAYA harap program ini diteruskan pada masa akan datang kerana dapat membantu mengurangkan tekanan yang dihadapi warga kota."

SITI FARRA SHUKOR, 18
Pengunjung



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang menyertai acara larian yang bermula di pekarangan SK Bandar Baru Sungai Buloh, baru-baru ini.



NOH OMAR (tiga dari kiri) bersama Zein Isma menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM57,000.

Platform berkesan satukan pendidik, pelajar, bersama masyarakat

Larian Malam Sungai Buloh

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusan.com.my

■ SUNGAI BULOH 11 FEB.

ACARA Larian Malam Sungai Buloh 2018 yang berlangsung di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh, di sini, semalam menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan peserta khususnya dalam kalangan warga pendidik dan pelajar.

Acara tersebut bukan hanya berjaya menghimpunkan kira-kira 3,000 peserta bahkan merupakan titik penyatuan anak bangsa yang menjadi instrumen penting untuk memperkasakan agenda pendidikan dalam masyarakat.

Program anjuran Guru Aktif



Ia bertepatan dengan agenda untuk memasyarakatkan sekolah. Kita harap program seperti ini akan terus dianjurkan dan lebih ramai warga pendidik melibatkan diri."

NOH OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Satu Selangor (GAIS) yang julung kali diadakan itu bertujuan mempromosikan gaya hidup sihat se-

lain menyuntik semangat kesukanan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, program itu merupakan platform yang berkesan dalam mengagihkan pendapat serta pandangan para guru yang boleh membantu meningkatkan kualiti pendidikan.

"Perkembangan ini sangat baik kerana mengambil langkah dan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan melibatkan warga pendidik, warga kerja sekolah, pimpinan masyarakat, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Ia bertepatan dengan agenda

untuk memasyarakatkan sekolah. Kita harap program seperti ini akan terus dianjurkan dan lebih ramai warga pendidik melibatkan diri," katanya ketika selepas merasmikan penutupan program berkenaan.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk P. Kamalanathan, Penaung Program, Datuk Zein Isma Ismail dan Pengarah Program, Azroy Ramli.

Sementara itu, Zein Isma yang merupakan Ketua Penerangan UMNO Selangor berkata, program itu akan dianjurkan secara dwi tahunan memandangkan sambutan yang diterima sangat menggalakkan termasuk daripada

masyarakat setempat.

"Selain memupuk kecergasan, hasil kutipan yuran daripada acara ini akan disumbangkan kepada sekolah-sekolah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)," katanya.

Acara yang bermula pada pukul 9 malam itu menyaksikan empat kategori dipertandingkan iaitu terbuka lelaki, terbuka wanita, senior lelaki dan senior wanita yang masing-masing melibatkan jarak larian sejauh 10 kilometer.

Program dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Parlimen Subang dan Koordinator DUN Paya Jaras itu menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM57,100.